

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

Rujukan : USM. 25/3/i/d JLD.XIX

Tarikh : 6 April 2023

Kepada : Semua Staf Bukan Akademik
Kampus Induk/Kesihatan/Kejuruteraan/
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)
Universiti Sains Malaysia

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 19 TAHUN 2023 :

- PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) TAHUN 2023

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Tahun 2023 akan diadakan pada bulan **Julai 2023**. Pihak Universiti telah menetapkan agar Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) **dijalankan secara dalam talian (online)**.

2. Senarai kertas peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan seperti berikut:

- (a) Pegawai Kewangan W41
- (b) Penolong Pegawai Sains C29
- (c) Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA29
- (d) Penolong Pegawai Keselamatan KP29
- (e) Penolong Pegawai Penerbitan N29
- (f) Penolong Pegawai Tadbir N29
- (g) Penolong Pegawai Belia dan Sukan S29
- (h) Penolong Pustakawan S29
- (i) Penolong Akauntan W29
- (j) Pembantu Keselamatan KP19
- (k) Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19

3. Staf Yang Layak Mengambil Peperiksaan

Staf yang layak mengambil peperiksaan ialah staf yang telah sah dalam jawatan yang disandang:

- (a) **Pegawai Kewangan W41**
 - Untuk staf dalam jawatan Penolong Akauntan gred W29/32/36
- (b) **Penolong Pegawai Sains C29**
 - Untuk staf dalam jawatan Pembantu Makmal gred C19/22/26
- (c) **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA29**
 - Untuk staf dalam jawatan Juruteknik Komputer gred FT19/22/26
- (d) **Penolong Pegawai Keselamatan KP29**
 - Untuk staf dalam jawatan Pembantu Keselamatan gred KP19/22/26
- (e) **Penolong Pegawai Penerbitan N29**
 - Untuk staf dalam jawatan Pembantu Penerbitan gred N19/22/26

...2/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 19 TAHUN 2023 :

- PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) TAHUN 2023

(f) Penolong Pegawai Tadbir N29

- Untuk staf dalam jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) gred N19/22/26/28;
- Pembantu Setiausaha Pejabat gred N19/22/26; dan
- Pembantu Tadbir (Kewangan) gred W19/22/26/28

(g) Penolong Pegawai Belia dan Sukan S29

- Untuk staf dalam jawatan Pembantu Belia dan Sukan gred S19/22/26

(h) Penolong Pustakawan S29

- Untuk staf dalam jawatan Pembantu Pustakawan gred S19/22/26; dan
- Pembantu Pemuliharaan S19/22/26

(i) Penolong Akauntan W29

- Untuk staf dalam jawatan Pembantu Akauntan gred W19/22/26; dan
- Pembantu Tadbir (Kewangan) gred W19/22/26/28

(j) Pembantu Keselamatan KP19

- Untuk staf dalam jawatan Pengawal Keselamatan gred KP11/14/16

(k) Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19

- Untuk staf dalam jawatan Pembantu Operasi N11/14/16; dan
- Pemandu Kenderaan H11/14/16

4. Had Umur Permohonan (selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil 11/2013)

- (a) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh permohonan bagi pegawai yang umur persaraan wajib 55 tahun atau 56 tahun; atau
- (b) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh permohonan bagi pegawai yang umur persaraan wajib 58 tahun; atau
- (c) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh permohonan bagi pegawai yang umur persaraan wajib 60 tahun

5. Jadual Peperiksaan

Peperiksaan akan diadakan pada bulan **Julai 2023**. Tarikh sebenar bagi setiap kertas peperiksaan akan ditentukan selepas permohonan diproses. Jadual waktu peperiksaan akan diberikan kepada setiap calon sebelum peperiksaan diadakan. Sebarang pindaan kepada jadual waktu peperiksaan akan dimaklumkan kepada calon-calon yang terlibat. Setiap calon yang akan mengambil peperiksaan perlu mematuhi peraturan/arahan yang akan dilampirkan bersama jadual peperiksaan tersebut. **Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai sukatan peperiksaan yang akan diadakan, calon boleh mendapatkan maklumat tersebut melalui bsm.usm.my.**

...3/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 19 TAHUN 2023 :

- PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) TAHUN 2023

6. **Permohonan**

Staf yang ingin mengambil peperiksaan perlu membuat permohonan melalui **Campus Online pada menu e-Exam**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi **Encik Muhammad Fariz Ahmad Ali**, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar (*sambungan 6094 / 6098*; fariz@usm.my).

7. **Tarikh Tutup Permohonan**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **16 April 2023**. **Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.**

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar
Jabatan Pendaftar
Kampus Kejuruteraan

Ketua Seksyen Pengurusan
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju